

# 'Disangka berpakaian polis'

» Idah Mastura cerita reaksi anak lihat album jadi 'Ahli Parlimenten'

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

**A**hli Yang Berhormat (YB) membuat bising tidak dihalau, sebaliknya mereka yang melastik kumpulan itu dengan gelung getah supaya diam, diperintah keluar daripada dewan persidangan Mini Parlimenten.

Kekecohan yang tercetus ketika persidangan Mini Parlimenten di Melaka pada 1985, sentiasa terpahat dalam ingatan pesertanya, Idah Mastura Zakaria, ketika itu berusia lapan tahun, yang turut bergelar YB.

"Memang kelakar bila terkenang kembali, YB yang membuat bising ketika persidangan, dilastik dengan gelung getah yang dibekalkan kepada beberapa YB cilik yang berada dalam dewan itu.

"Adegan itu adalah rancangan Pak Cik Jamal (Jamal Mohamad) selaku Speaker Dewan untuk mewujudkan suasana lucu ketika persidangan berlangsung," kata Idah Mastura, 37.

Ketika program berlangsung, Idah Mastura adalah 'YB' pertama diminta Pak Cik Jamal untuk tampil membahaskan usul kerana kepetahan dan sikap 'loyar buruknya' yang menarik perhatian.

"Selepas saya membentangkan usul bertajuk Taman Permainan Perlu Diperbanyak, Speaker Dewan kemudian bertanyakan semua YB dalam Mini Parlimenten itu, sama ada setuju atau tidak, sudah tentunya mereka setuju."

"Ketika itu memang



**Idah Mastura (dua dari kanan) bersama Pak Cik Jamal** ketika menyertai perbarisan program Mini Parlimenten.

rasa teruja dan bangga kerana terpilih menjadi YB dari Perlis yang pertama untuk berbahas, selain dapat memegang fail yang peserta lain tak boleh pegang," imbaunya.

Bekas murid Sekolah Kebangsaan Bukit Cina, Melaka itu, berkata kepetahan bertutur membawa tuah kepadaannya apabila terpilih menyertai program itu, di samping bentuk fizikal yang kecil, membolehkannya menarung seragam rasmi program persidangan itu dengan selesa.

Anak kedua daripada lima beradik yang kini bertugas sebagai guru sekolah bahasa Arab di Batang Tiga Timur,

Melaka itu, menyifatkan Pak Cik Jamal seorang yang garang tetapi mudah mesra dengan kanak-kanak.

## Teruja jadi peserta

"Memang teruja apabila terpilih menyertai program itu kerana tak sangka saya berpeluang mengenali Pak Cik Jamal yang selama ini hanya dilihat dalam rancangan televisyen terbitan RTM.

"Saya sempat bergurau dengan rakan yang juga peserta Mini Parlimenten ketika itu dengan mengatakan kepadanya akhirnya dapat juga jumpa pakcik pendek itu," katanya sambil berseloroh.

Isteri kepada Annuar Ab Rashid, 47, yang juga ibu kepada lima cahaya mata itu, pantas teringat kenangan 29 tahun lalu itu ketika menyelak album lama bersama anak-anaknya, baru-baru ini.

"Anak terjumpa album lama saya berpakaian seragam persidangan Mini Parlimenten itu sambil bergambar dengan Pak Cik Jamal. Mereka menyangka saya pakai pakaian polis," katanya yang berasal dari Melaka.

Menurutnya, RTM wajar menghidupkan kembali program seumpama itu bagi membolehkan anak-anak masa kini memperoleh manfaat daripada pelbagai isu yang dibincangkan.

"RTM juga boleh siarkan kembali rakaman rancangan Mini Parlimenten itu seperti tayangan filem Tan Sri P Ramlee supaya anak-anak memahami konsep persidangan walaupun dalam bentuk rancangan kanak-kanak," katanya yang kini menyambung pengajian peringkat Sarjana dalam jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM).

## Jejak Mini Parlimenten



Adakah anda pernah menjadi peserta program kanak-kanak, Mini Parlimenten terbitan RTM yang popular pada era 1980-an hingga 1990-an? Atau mengenali individu yang pernah menjadi 'Ahli Parlimenten' dalam program itu. Hubungi 1-300-226787 sambungan 4470 atau 4932 atau emel [pakcikjamal@bh.com.my](mailto:pakcikjamal@bh.com.my) untuk berkongsi pengalaman dan bertemu Pak Cik Jamal pada majlis istimewa anjuran BH.